Publication: Berita Harian, p1 Date: 13 November 2015

Headline: Mercu offers \$1.2 million for SMU Malay students

Mercu tawar biasiswa \$1.2j bagi pelajar Melayu SMU

►NUR ADILAH MAHBOB

adilaham@sph.com.sg

MAHASISWA Melayu di Universiti Pengurusan Singapura (SMU) kini boleh memanfaatkan biasiswa baru bagi pengajian mereka.

Biasiswa itu ditawarkan buat kali pertama oleh Mercu Learning Point bersama dua warga Singapura – seorang karyawan pelaburan dan pegawai bank – yang enggan nama mereka disiarkan.

Mercu ialah anak syarikat Angkatan Karyawan Islam (AMP) yang mengendali pusat iagaan pelajar dan kanak-kanak, dan bersama dua penderma itu, mereka menyumbang sejumlah \$600,000 bagi Biasiswa Kecemerlangan Mercu-SMU itu.

Dengan tokokan dana sepadan daripada pemerintah, dana itu bernilai \$1.2 juta dan akan memberi tiga biasiswa – setiap satu bernilai \$12,000 – setiap tahun.

Majlis pelancaran biasiswa itu diadakan di SMU semalam dan dihadiri Menteri Perhubungan dan Penerangan Dr Yaacob Ibrahim.

Beliau menyampaikan biasiswa itu kepada tiga penerima sulung – Cik Nur Amalina Saparin, Encik Khairul Ashraf Khairul Anwar dan Encik Muhammad Hafiz Kasman.

Ditemui media di majlis itu, Dr Yaacob berkata biasiswa itu membantu pelajar memberi perhatian penuh kepada pengajian mereka tanpa perlu bimbang tentang kewangan.

"Saya berharap ini akan mendorong pihak lain tampil membantu pelajar di institusi lain, kerana ada ramai pelajar yang layak bukan sahaja dalam institusi sekular, bahkan di madrasah juga," ujar Dr Yaacob yang juga Menteri Bertanggungjawab bagi Keselamatan Siber dan Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwal Masyarakat Islam.

Pengerusi Mercu Learning Point, Encik Mohd Azmi Muslimin, berkata pihaknya berharap penerima biasiswa itu akan menyumbang kembali kepada masyarakat.

"Kriteria bagi pemilihan calon bukan sahaja berdasarkan kecemerlangan akademik, bahkan kesediaan mereka dalam menyumbang kepada masyarakat," ujar Encik Azmi.

Biasiswa itu dibuka kepada mahasiswa Melayu sepenuh masa dalam tahun dua hingga tahun empat di keenam-enam sekolah di SMU.

Ia boleh digunakan untuk membiayai yuran sekolah atau perbelanjaan lain berkaitan pengajian mereka di universiti itu termasuk lawatan belajar ke luar negara.

Presiden SMU, Profesor Arnoud De Meyer, pula berkata biasiswa itu akan memastikan tiada pelajar Melayu terlepas peluang meraih pendidikan di SMU kerana keperluan kewangan.

"Saya pasti ia akan membantu SMU menarik lebih ramai belia Melayu berbakat ke universiti kami," ujarnya.

Beliau berkata sebelum penubuhan biasiswa itu, SMU bergabung tenaga dengan AMP untuk mengendali program pendidikan kewangan bagi belia berusia 12 tahun hingga 18 tahun.

Sejak dua tahun lalu, seramai 60 belia benefisiari AMP meraih manfaat daripada program itu yang dirancang diperluastahun depan.